

23/10/1998

MAM pertikai penubuhan Pasrah

KUALA LUMPUR, Khamis - Majlis Aids Malaysia (MAM) hari ini mempertikaikan penubuhan Pergerakan Sukarela Rakyat Anti-Homoseksual (Pasrah) kerana ia seolah-olah menghalalkan tindakan keganasan terhadap segolongan rakyat yang mempunyai haluan seks berbeza.

Presidennya, Datin Paduka Marina Mahathir, berkata MAM khuatir Pasrah berhasrat mencontohi keganasan homofobia yang mengorbankan nyawa remaja homoseks (gay) di Wyoming, Amerika Syarikat baru-baru ini.

Menurutnya, MAM sebagai penaung kepada 32 badan gabungan mempunyai komitmen dalam usaha membina masyarakat dan persekitaran yang bebas daripada ancaman HIV dan Aids.

"Kami juga bekerja dengan golongan terpinggir termasuk penagih dadah, pekerja seks dan komuniti gay dalam usaha membina masyarakat dan persekitaran yang bebas dari ancaman HIV/Aids.

"Kempen `kesedaran' yang cuba diperjuangkan oleh Pasrah hanya akan menghidupkan prasangka, menyemai bibit kebencian dan menghalalkan tindakan anti-sosial seperti mencemuh dan mengganggu ketenteraman orang lain.

"Kami tidak sekali-kali mencanangkan hubungan seks sejenis sebagai cara hidup, tetapi perjuangan Pasrah tidak langsung mencerminkan keperibadian masyarakat majmuk yang sentiasa hidup dalam harmoni, bertimbang rasa dan bertolak ansur," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Pasrah ditubuhkan semalam dengan 24 ahli jawatankuasa penaja, diketuai oleh Senator Ibrahim Ali dan bekas Ahli Parlimen Batu Berendam, Tamrin Ghafar, bertujuan meminta kerajaan meningkatkan hukuman terhadap mereka yang bersalah atas tuduhan meliwat.

(END)